

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR BAJET 2010

UCAPAN BAJET DATUK BANDAR KUALA LUMPUR

A. PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu saya mengucapkan syukur kepada Allah S.W.T kerana dengan izinnya dapat saya kali keduanya saya membentangkan membentangkan bajet DBKL bagi tahun 2010
2. Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar telah meluluskan Bajet 2010 pada 19 November 2009 selaras dengan keperluan Seksyen 55 (1) Akta Kerajaan Tempatan 1976.
3. Visi DBKL adalah untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai sebuah bandaraya bertaraf dunia. Ini adalah selaras dengan wawasan negara iaitu Malaysia sebagai sebuah negara maju pada tahun 2020.

B. TEMA BAJET 2010

4. Dalam usaha untuk mencapai visi di atas, DBKL telah menyediakan Bajet 2010 yang bertema '**MENGUTAMAKAN RAKYAT**'. Tema ini menunjukkan bahawa DBKL bukan sahaja bersedia dari segi peruntukan kewangan yang bersesuaian malah sentiasa mengutamakan kepentingan seluruh warga kota terutamanya akauntabiliti kepada pembayar cukai taksiran dalam memberikan perkhidmatan dan kemudahan di sekitar Kuala Lumpur.

5. Sehubungan dengan itu, DBKL secara berterusan melaksanakan penambahbaikan sistem-sistem pengurusan dan perkhidmatan sedia ada. Antaranya DBKL telah mewujudkan pusat panggilan setempat (call centre) untuk sebarang pertanyaan dan aduan, mengadakan sistem secara 'online' berkaitan dengan kawalan projek pembangunan iaitu 'One Stop Centre Submission & Processing Online', mengemaskini dan penambahbaikan sistem kewangan dengan mengadaptasi sistem ePBT. Oleh yang demikian, diharap semua sistem tersebut dapat mempertingkatkan prestasi pengurusan DBKL supaya lebih cepat dan cekap pada masa akan datang sekaligus dapat memberikan perkhidmatan yang lebih baik.
6. Selain itu, DBKL juga memfokuskan kepada peningkatan tahap integriti yang ada dengan cara meneliti semula kaedah dan proses perolehan dan dari semasa ke semasa melakukan pemantauan projek pembangunan dan penilaian semula akan dilakukan bagi projek-projek yang bermasalah dan tidak memberi impak kepada orang ramai. Bagi meningkatkan tahap integriti projek pembangunan, DBKL telah mewujudkan Pasukan Pemeriksa Projek. Tujuan pasukan ini ditubuhkan adalah untuk melaksanakan kerja-kerja pengauditan terhadap projek-projek yang difikirkan perlu dengan memfokuskan kepada projek pembinaan yang sedang berjalan.
7. Untuk makluman semua, pada bulan September 2009 DBKL telah memperolehi Sijil MS ISO 9001:2008 bagi semua fungsi utama jabatan-jabatan. Oleh itu, DBKL sangat berbangga dengan pencapaian ini dan membuktikan bahawa DBKL sentiasa berusaha untuk meningkatkan tahap pengurusan bagi memastikan perkhidmatan yang diberikan lebih bermakna kepada semua warga kota.

8. Penyediaan bajet ini menekankan projek pembangunan yang berkonsepkan '*people centric*' dan memberi impak yang lebih baik kepada semua pihak terutamanya warga kota.
9. Maklumat-maklumat daripada hasil perbincangan dengan ahli yang berhormat, badan-badan NGO dan wakil penduduk samada secara langsung atau tidak langsung diambilkira dalam penyediaan bajet 2010. Untuk memperhalusi bajet ini, Retreat Kajian Semula Bajet 2009 dan Retreat Penyediaan Bajet 2010 telah diadakan.
10. Bajet yang disediakan merangkumi program/projek yang dibiayai dengan menggunakan sumber hasil dan rezab DBKL. Selain daripada peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 dan Tebatan Banjir, DBKL juga menerima bantuan peruntukan dari Kerajaan Pusat seperti Peruntukan Pakej Rangsangan Ekonomi Ke-2 (RM231 juta) dan Peruntukan Khas Perumahan iaitu RM250 juta. Tempoh perbelanjaan bagi kedua-dua peruntukan ini adalah dari tahun 2009 sehingga 2010.

C. BAJET 2010

11. DBKL memperuntukan sejumlah RM2.120 billion dalam Bajet 2010. Pecahan peruntukan adalah seperti berikut :-

Perbelanjaan Mengurus	RM1.102 billion
Perbelanjaan Pembangunan	RM1.017 billion

12. Peruntukan Bajet 2010 menunjukkan peningkatan sebanyak RM38.8 juta iaitu bersamaan 2% jika ianya dibandingkan dengan Bajet 2009 iaitu RM2.081 billion.
13. Keutamaan peruntukan mengurus akan diberi kepada kerja-kerja teras perbandaran yang meliputi kerja-kerja pembersihan, pengindahan, penyelenggaraan sistem perparitan, jalanraya, kemudahan awam dan rekreasi serta mempertingkatkan tahap keselamatan bandar.
14. Sementara itu, untuk peruntukan pembangunan pula diberi keutamaan kepada **projek-projek sambungan** DBKL, RMK-9 dan Pakej Rangsangan Ekonomi serta Projek Khas Tebatan Banjir.

D. PERUNTUKAN MENGURUS

15. Perbelanjaan mengurus bertujuan membiayai emolumen kakitangan, perkhidmatan dan bekalan, penyelenggaraan, perolehan aset-aset dan pemberian tetap. Peruntukan ini telah berkurang sebanyak 8.96% berbanding perbelanjaan mengurus tahun 2009. Pecahan peruntukan mengikut program adalah seperti berikut:-

a. Gaji, Elaun dan Bayaran Lebih Masa

- i. Sejumlah RM353.85 juta atau 32.2% daripada peruntukan mengurus diperlukan bagi membiayai kos emolumen termasuk gaji dan bayaran-bayaran elaun perkhidmatan untuk 11,088perjawatan. Peruntukan ini telah meningkat sebanyak 4.48% berbanding dengan peruntukan 2009 (RM338.67 juta). Peningkatan ini adalah disebabkan pertambahan peruntukan sebanyak RM 25 juta untuk tujuan penstrukturan semula organisasi DBKL. Disamping itu, terdapatpengurangan sebanyakRM9.5 jutaperuntukan emolumen disebabkan oleh pengambilalihan perkhidmatan Klinik Ibu Mengandung dan Kanak-kanak oleh Kementerian Kesihatan Malaysia mulai Januari 2010.

- ii. Sementara itu peruntukanElaun Lebih Masa telah dikurangkan dari RM49.84 juta kepada RM 44.84 juta iaitu penurunan sebanyak 10%. Perbelanjaan ini diperlukan bagi menjalankan kerja-kerja pemantauan pembersihan bandar, penyelenggaraan taman-taman, program penjualan rumah, penguatkuasaansertamelaksanakan tugas-tugas kecemasan. Walau bagaimanapun, pemantauan yang tegas akan dilakukan bagi memastikan ianya dibelanjakan berdasarkan keperluan sebenar dan mengikut prosidur yang ditetapkan.

b. Perkhidmatan Perbandaran

DBKL memperuntukan sebanyak RM236.64juta iaitu kenaikan sebanyak 1% jika dibandingkan dengan tahun 2009 untuk perkhidmatan seperti berikut:

i. Pengurusan Sisa Pepejal

Sebahagian besar daripada perbelanjaan ini digunakan untuk kerja-kerja kutipan dan pelupusan sampah, pengurusan stesen pemindahan sisa pepejal dan pengurusan loji rawatan air resapan di Taman Beringin.

Perkhidmatan pelupusan sampah ini melibatkan antara 800,000 hingga 900,000 tan sampah setahun. Sampah-sampah ini dikategorikan kepada 2 jenis iaitu sisa domestik dan sisa pukal. DBKL telah melantik 3 kontraktor untuk menguruskan sisa buangan ini. Skop kerja dan pecahan peruntukan adalah seperti berikut:

Bil	Skop Kerja	Bajet 2010 RM
1.	Pembersihan jalan dan longkang di kawasan awam dan perkhidmatan kutipan sampah di seluruh Kuala Lumpur. Dilaksanakan oleh Tetuan Alam Flora Sdn. Bhd.	123,000,000

Bil	Skop Kerja	Bajet 2010 RM
2.	Menguruskan operasi sisa sampah di Stesen Pemindahan Sisa Pepejal di Taman Beringin	35,000,000
3.	Bayaran pelupusan sampah di Sanitary Landfill Bukit Tagar, Selangor.	24,000,000
Jumlah		182,000,000

ii. Pengurusan Kawalan Kesihatan awam

Selain itu, perbelanjaan ini juga meliputi kerja-kerja kerja-kerja pemotongan rumput yang melibatkan seluas 6,834 hektar kawasanlapang, kerja-kerja fogging dan lain-lain program kawalan penyakit bawaan vektor dengan peruntukan sebanyak RM31 juta.

c. Pentadbiran dan Bayaran Utiliti

- i. Sejumlah RM102.1 juta diperuntukan bagi tujuan pentadbiran seperti pembelian alatulis dan perkakasan pejabat, pembersihan pejabat, pakaian seragam, latihan dan kursus kakitangan, bayaran perubatan kakitangan, perbelanjaan guaman, komisen kutipan bil setempat, kawalan keselamatan, bayaran cukai tanah, yuran pengurusan, bayaran premium insuran dan bayaran balik pinjaman.

- ii. Peruntukan sebanyak RM4.5 juta untuk program penilaian semula harta-harta bagi menentukan nilai semasa pasaran.
- iii. Bagi pembayaran utiliti seperti bayaran bil elektrik, air dan telefondiperuntukan sejumlah RM45.7 juta.

d. Sosial, Kebudayaan dan Rekreasi

Sejumlah RM60.9 juta diperuntukan untuk tujuan sosial, kebudayaan dan rekreasi iaitu pengurangan sebanyak **16.9%** berbanding tahun 2009.

i. Aktiviti Sosial

Untuk tujuan ini sejumlah RM14.9 juta bagi tujuan program pembangunan sosial yang meliputi pembelian bantuan kemudahan masyarakat, pengurusan pusat bimbingan pelajar, aktiviti-aktiviti kor wargakota, bantuan rancangan sosial termasuk di kawasan-kawasan perumahan, operasi dan penyelenggaraan Pusat Sang Kancil, Program Khas Nadi dan lain-lain.

ii. Aktiviti Kebudayaan

Sejumlah RM1.29 juta pula diperuntukan untuk program-program kebudayaan seperti persembahan muzik serta kegiatan kebudayaan dan kesenian.

iii. Program Penyelenggaraan Taman dan Kemudahan Rekreasi

Disamping itu, DBKL juga memperuntukan sejumlah RM44.7 juta bagi menyelenggara taman dan kawasan lapang untuk tujuan riadah dan rekreasi. Ini termasuklah penyelenggaraan 3 taman utama dan 15 taman awam, penyelenggaraan 347 kawasan lapang dan taman permainan kanak-kanak, kerja-kerja penyelenggaraan pokok, pembajaan dan hortikultur serta penanaman pokok dan lanskap.

e. Penyelenggaraan Bangunan

Sejumlah RM22.53 juta diperuntukan bagi program penyelenggaraan bangunan milik DBKL. Ini termasuklah penyelenggaraan bangunan pejabat, dewan-dewan komuniti dan serbaguna, stadium dan kompleks sukan, pusat-pusat penjaja dan bangunan-bangunan pasar. Peruntukan ini adalah diperlukan bagi melaksanakan program penyelenggaraan berkala dan pembaikan kerosakan. Senarai bangunan yang perlu diselenggara adalah seperti berikut:-

Bil.	Stadium / Kompleks Sukan/ Pusat Komuniti	Bilangan Sedia ada
1.	Stadium	4
2.	Velodrum	1
3.	Kompleks renang	1
4.	Pusat Komuniti	10
5.	Kompleks Sukan	8
6.	Dewan Serbaguna	20
7.	Gelanggang Rakyat	1
8.	Kelab Sukan	1
9.	Padang Bola Sepak	25
10.	Futsal	17
Jumlah		88

f. Penyelenggaraan Lampu Isyarat, Lampu Jalan dan Jalan Raya

Sejumlah RM76.85 juta bagi tujuan penyelenggaraan lampu isyarat, lampu jalan, jalan raya dan sejumlah RM15.3 juta untuk tujuan pembayaran bil elektrik lampu jalan dan lampu isyarat di sekitar Kuala Lumpur. Antara program yang terlibat ialah penyelenggaraan 483 persimpangan berlampu isyarat, penyelenggaraan 92,487 lampu jalan, menyelenggara 5,400 km longkang tepi jalan, penandaan garisan di jalan-jalan raya, kerja-kerja membaikpulih 3,855 km jalan termasuk lorong-lorong belakang dan jalan-jalan di kawasan perumahan.

g. Penyelenggaraan Rumah Pangsa

Seperti yang diumumkan oleh pihak kerajaan bahawa Perumahan Awam DBKL dan Projek Perumahan Rakyat MTEN akan dijual. Walau bagaimanapun, sejumlah 16,798 unit daripada 60,944 unit perumahan tidak dijual. Bagi tahun 2010 peruntukan yang disediakan untuk penyelenggaraan ini adalah berjumlah RM24.8 juta.

h. Lain-Lain Penyelenggaraan

Lain-lain peruntukan penyelenggaraan yang disediakan adalah penyelenggaraan ITIS yang berjumlah RM17.5 juta termasuk bayaran bil elektrik dan sistem yang digunakan, penyelenggaraan kenderaan (RM11.9 juta), penyelenggaraan sistem dan komputer (RM12.6 juta), penyelenggaraan jentera, mesin dan lif (RM10 juta) serta penyelenggaraan pusat dan tapak penjaja (RM2.3 juta).

i. Sewaan

Sejumlah RM36.71 juta disediakan dengan peningkatan sebanyak 18.1% berbanding tahun 2009 berjumlah RM31.09 juta. Tujuan perbelanjaan adalah seperti berikut:-

- i. program pengurusan seperti penyewaan pejabat dan sewaan komputer pejabat
- ii. program pengurusan tempat letak kereta seperti sewaan sistem letak kereta elektronik
- iii. program pencegahan jenayah seperti sewaan "Close Circuit TV (CCTV)".

j. Perbelanjaan Lain

Sejumlah RM14.58 juta disediakan bagi tujuan perbelanjaan-perbelanjaan lain. Peruntukan disediakan adalah untuk perbelanjaan seperti pembelian aset dan inventori jabatan (RM1.56 juta), pemberian sumbangan Datuk Bandar kepada Badan-Badan Sosial, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) berjumlah RM4.2 juta, dan lain perbelanjaan seperti pelarasan perbelanjaan tahun-tahun lepas berjumlah RM8.82 juta.

E. PERBELANJAAN PEMBANGUNAN

16. Di dalam bajet pembangunan, sejumlah RM1,017.31 juta telah diperuntukan bagi tujuan pembangunan di dalam bajet 2010. Peruntukan ini telah meningkat sebanyak RM218.7 juta bersamaan 27.39% berbanding tahun 2009 RM798.60 juta. Peningkatan ini disebabkan oleh pelaksanaan projek-projek baru di bawah peruntukan Pakej Rangsangan Ekonomi dan Peruntukan Khas Perumahan.

17. Sebanyak 32.4% akan dibiayai oleh sumber kewangan DBKL sendiri manakala selebihnya iaitu 67.6% lagi dibiayai oleh Kerajaan Pusat melalui pelaksanaan projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMK9), Peruntukan Khas Tebatan Banjir, Pakej Rangsangan Ekonomi Ke 2 dan Peruntukan Khas Perumahan.

18. Peruntukan yang disediakan adalah bagi melaksanakan 131 projek yang sedang berjalan, 56 projek untuk bayaran akhir, 23 projek yang melibatkan bayaran perunding sahaja dan 62 projek baru. Secara umumnya projek yang sedang berjalan dan akan dilaksanakan ini melibatkan semua kawasan parlimen. Pecahan projek mengikut 11 kawasan parlimen adalah seperti berikut:-

Parlimen	Bil	Anggaran Kos	Bajet 2010
		RM	RM
Bandar Tun Razak	27	201,170,082	79,242,119
Batu	24	193,775,122	61,960,016
Bukit Bintang	24	531,305,602	240,601,752
Cheras	20	416,384,332	89,139,030
Kepong	9	36,228,687	9,203,970
Lembah Pantai	11	65,834,990	29,519,360
Segambut	13	138,485,708	29,604,045
Seputeh	6	23,264,440	3,027,638
Setiawangsa	15	37,516,818	19,242,300
Titivangsa	24	379,689,054	69,116,848
Wangsa Maju	21	193,944,115	68,106,080
Keseluruhan Kuala Lumpur*	70	634,809,446	259,815,320
Bangunan Pejabat DBKL	11	145,910,342	27,428,000
JUMLAH	275	2,998,318,739	986,006,480

*Keseluruhan Kuala Lumpur bermaksud peruntukan yang disediakan diagihkan kepada semua kawasan parlimen antaranya ialah kemudahan untuk pejalan kaki ke stesen transit, pembinaan kemudahan menunggu bas sekolah, membaikpulih dan menurap semula jalan utama, membina dan menaiktaraf jejantas-jejantas di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan lain-lain pembangunan dan kerja-kerja naiktaraf di sekitar Kuala Lumpur.

19. Pecahan pembangunan adalah seperti berikut :

	RM
Projek Pembangunan DBKL	329,631,520
Rancangan Malaysia ke 9	245,835,000
Peruntukan Khas Tebatan Banjir	71,339,100
Pakej Rangsangan Ekonomi	133,525,860
Peruntukan Khas Perumahan	236,974,900
	1,017,306,380

a. Kumpulan Wang Pembangunan Am

Kos pembangunan bagi kumpulan wang ini adalah berjumlah RM1.047 billion yang melibatkan 157 projek pembangunan. Sebanyak RM292.25 juta atau 27.92% diperlukan untuk pembangunan am infrastruktur bagi kemudahan awam, pembinaan pusat komersil, pasar, gerai, kemudahan sukan, bangunan kemudahan kakitangan, kemudahan rekreasi dan kemudahan lalulintas. Perinciannya adalah seperti berikut:-

i. Bangunan Pejabat

Sejumlah RM 30.43 juta bersamaan 2.99 % telah diperuntukan bagi tujuan melaksana,menyiapkan dan membayar akaun akhir12 projek-projek menaiktaraf dan ubahsuai ruang pejabat dan pejabat-pejabat cawangan. Peruntukan ini disediakan bagi tujuan untuk menyediakan kemudahan yang lebih baik kepada pegawai dan kakitangan yang berkhidmat dengan DBKL. Contohnya Pusat Latihan DBKL dan Kompleks Pejabat Direktorat.

ii. Bangunan Kemudahan Awam.

Peruntukan yang disediakan sebanyak RM 31.62 juta atau 3.12% daripada keseluruhan bajet tahun 2010 bagi melaksana, menyiapkan dan membayar akaun akhir 27 projek. Peruntukan ini disediakan bagi tujuan pelaksanaan projek –projek *people centric* di bawah kategori ini untuk memberi kemudahan kepada orang ramai seperti pembinaan surau, masjid, dewan-dewan serbaguna, pusat komuniti, tandas awam dan juga menaik taraf krematorium.

iii. Bangunan Komersil, Pasar dan Gerai.

Bagi tujuan pembinaan bangunan komersil, pasar dan gerai pula di peruntukan sebanyak RM46.65 juta atau 4.59 % bagi melaksana, menyiapkan dan membayar akaun akhir 28 projek. Peruntukan ini bertujuan untuk melaksanakan kerja-kerja pembangunan bangunan komersil, pasar dan gerai bagi menempatkan penjaja-penjaja di tepi jalan ke dalam bangunan untuk keselesaan mereka. Antara projek yang sedang berjalan adalah Pusat Komersial Jalan Masjid Jamek termasuk tempat letak kereta bertingkat.

iv. Kemudahan Sukan

Bagi mewujudkan wargakota yang sihat dan melahirkan ahli sukan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sejumlah RM5.39 atau 0.53% telah diperuntukan bagi melaksana, menyiapkan dan membayar akaun akhir 9 projek. Kerja-kerja yang sedang berjalan adalah kerja-kerja pembinaan untuk menyediakan kemudahan sukan kepada warga kota seperti membina kompleks sukan, menaik taraf

stadium bola sepak, padang bola dan futsal serta pusat rekreasi.

v. Bangunan-Bangunan lain

Peruntukan bagi tahun 2010 di dalam kategori Bangunan-Bangunan Lain adalah sebanyak RM15.3 juta atau 1.51% bagi melaksana, menyiapkan dan membayar akaun akhir 12 projek. Kerja-kerja pembangunan adalah untuk membina lain-lain bangunan seperti stor tambahan depoh dan pembangunan semula tapak Pasar Minggu Kg. Bharu dan bayaran perunding pembangunan perumahan Taman Sari (Parcel S)

vi. Kemudahan Kampung-Kampung

Bagi meningkatkan kawasan kampung-kampung tradisi yang masih wujud dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sejumlah RM6.5 juta atau 0.64% telah diperuntukan bagi melaksanakan 4 projek seperti kerja-kerja pembangunan dan projek-projek kecil. Peruntukan diagihkan mengikut 11 Pejabat Cawangan.

vii. Kemudahan-Kemudahan Rekreasi.

Bagi mengadakan kemudahan-kemudahan rekreasi untuk di manfaatkan oleh wargakota sejumlah RM58.67 juta atau 5.77% di peruntukan bagi melaksana, menyiapkan dan membayar akaun akhir 22 projek. Peruntukan ini di sediakan untuk kerja-kerja pembangunan bagi menaiktaraf disekitar Kuala Lumpur antaranya Taman Tasik Datuk Keramat dan Taman Tasik Ampang Hilir. Lain-lain pembangunan adalah seperti pembinaan tandas awam, taman permainan kanak-

kanak dan pembangunan Dusun Bandar di Kg Delima, manakala Pembangunan Taman Kejiranan Air Panas merupakan projek di bawah RMK-9.

viii. Kemudahan Lalulintas

Bagi kemudahan lalulintas sejumlah RM42.53 juta atau 4.18% di peruntukan bagi melaksana,menyiapkan dan membayar akaun akhir14 projek. Peruntukan ini adalah untuk melaksanakan kerja-kerja pembangunan bagi meningkatkan kemudahan lalulintas. Projek-projek yang dirangka termasuk pembinaan tempat menunggu teksi, bas, bas sekolah, tempat berteduh motosikal dan pemasangan papan tanda jalan dan pemasangan CCTV. Disamping itu juga projek sistem kawalan lalulintas berkomputer yang sedia ada akan ditingkatkan lagi.

ix. Pelbagai

Bagi pelbagai di peruntukan sebanyak RM62.63 juta atau 6.16% bagi melaksana,menyiapkan dan membayar akaun akhir29 projek. Peruntukan adalah untuk kerja-kerja pembangunan bagiprojekpengambilan tanah, Pelan Tempatan Kuala Lumpur, KL Wireless dan menaiktaraf Jalan Raja Alang dari Jalan Raja Abdullah hingga Jalan Tuanku Abdul Rahman.

b. Kumpulan Wang Perkhidmatan & Kemajuan

Peruntukan dari kumpulan wang ini difokuskan untuk pembangunan jalan raya dan sistem perparitan di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

i. Projek Penyelenggaraan dan Pembinaan Jalanraya, Persimpangan Bertingkat, Missing Link dan Menaiktaraf Jalan.

Bagi projek penyelenggaraan dan pembinaan jalanraya, persimpangan bertingkat, 'missing link' dan menaiktaraf jalan,

Diperuntukan sebanyak RM333.84 juta atau 32.82% bagi melaksana, menyiapkan dan membayar akaun akhir 38 projek. Peruntukan disediakan untuk memastikan keadaan jalan-jalan utama dan jalan raya dalam keadaan baik. Disamping itu, peruntukan ini adalah untuk mengatasi masalah kesesakan lalulintas dan menyambungkan antara jalan-jalan sedia ada.

ii. Projek Tebatan Banjir dan Meningkatkan Mutu Air Sungai.

Bagi projek tebatan banjir dan meningkatkan mutu air sungai pula sebanyak RM103.6 juta atau 10.18% disediakan bagi melaksana, menyiapkan dan membayar akaun akhir 30 projek. Peruntukan bertujuan untuk melaksanakan kerja-kerja pembangunan bagi menjalankan program penyelenggaraan, pembersihan parit dan sungai serta tebatan banjir. Antara program yang akan dilaksanakan adalah seperti pengorekan kelodak, penyelenggaraan perangkap sampah, mempertingkatkan tebing sungai, pembinaan kalbat, pembinaan rumah pam dan membina kolam takungan air. Usaha-usaha ini adalah bagi mengurangkan masalah banjir dan mencantikan kawasan-kawasan berhampiran dengan sungai.

Disebabkan banjir besar pada Jun 2007 kerajaan telah bersetuju menyediakan peruntukan khas kepada DBKL sejumlah 160 juta. Pada masa sekarang sebanyak 7 projek sedang berjalan yang mana ianya menelan kos sebanyak RM111.8 juta dan dijangka sebanyak RM71.34 juta akan dibelanjakan bagi tahun 2010.

c. Projek Di bawah Kumpulan Wang Perumahan

Bagi projek di bawah kumpulan wang perumahan di peruntukan sebanyak RM239.37 juta atau 23.53% bagi melaksanakan 48 projek. Peruntukan yang disediakan untuk bayaran perunding untuk pembangunan perumahan awam di Kg Wira Jaya, Kg India Settlement, Sg Udang dan Kg Semerah Padi. Selain itu juga, peruntukan kemudahan-kemudahan OKU dan beberapa projek-projek kecil di kawasan perumahan awam juga disediakan. Peruntukan ini juga termasuk peruntukan khas perumahan yang akan digunakan untuk kerja-kerja membaikpulih perumahan yang telah disalurkan oleh kerajaan pusat yang keseluruhannya berjumlah RM215 juta dimana sebanyak RM211.97 juta akan digunakan dalam tahun 2010.

d. Kumpulan Wang Letak Kereta

Peruntukan bagi kumpulan wang letak kereta disediakan sebanyak RM9.45 juta atau 0.93% bagi melaksanakan 2 projek iaitu kerja-kerja pembangunan tempat letak kereta di sekitar Kuala Lumpur. Antara projek yang terlibat ialah memperbaiki sistem letak kenderaan di kawasan komersil dan perumahan dan juga tempat letak kereta bertingkat di Keramat Mall.

e. Kelengkapan dan Peralatan Komputer dan Pembangunan Sistem

Bagikelengkapan dan peralatan komputer dan pembangunan sistem di peruntukan sebanyak RM26.58 juta atau 2.61% untuk kerja-kerja pembangunan bagimeningkatkan lagi sistem teknologi maklumat DBKL. Antara projek yang dirancang termasuklah menaiktarafsistem perakaunan berkomputer, menaiktaraf perkakasan dan infrastruktur rangkaian DBKL, menambahbaik sistem e-lesen, pembangunan '*Digital Library*' dan sistem Padu, pembelian '*server*' dan '*plotter*'.

f. Pembelian Peralatan Dan Aset

Bagi pembeli peralatan dan aset di peruntukan sebanyak RM1.40 juta atau 0.14% untuk pembelian 9 unit kabin, '*mixer*', perangkap minyak, pemotong besi, paip cable '*detector*' dan alat pengukur bunyi Rion.

g. Pembelian Baru Kenderaan & Jentera

Bagi pembelian baru kenderaaan dan jentera di peruntukan sebanyak RM3.3 juta atau 0.33% untuk pembelian 20 unit kren tunda bagi menjalankan operasi penguatkuasaan kereta tunda di sekitar kawasan Kuala Lumpur.

F. HASIL DAN PEMBIAYAAN

20. Sumber pembiayaan bagi menampung anggaran perbelanjaan tahun 2010 seperti berikut:-

PERKARA	ANGGARAN 2010 RM
Anggaran Hasil	1,647,437,500
Perbelanjaan Mengurus	1,102,961,080
Perbelanjaan Pembangunan	1,017,306,380
JUMLAH	2,120,267,460

SUMBER PEMBIAYAAN :	2010
<u>Pembiayaan Peruntukan Mengurus</u> Anggaran Hasil Tahun Semasa	1,102,961,080
<u>Pembiayaan Peruntukan Pembangunan</u> Lebihan Tahun Semasa Peruntukan Mengurus	306,771,520
Rezab/Simpanan Pembangunan	-
Sumbangan Dari Agensi Lain	22,860,000
Jumlah Pembiayaan Pembangunan	329,631,520
Jumlah Pembiayaan DBKL	1,432,592,600
Peruntukan dari Kerajaan Pusat (RMK 9)	245,835,000
Peruntukan Khas Kerajaan Pusat (Tebatan Banji	71,339,100
Pakej Rangsangan Ekonomi Ke 2	133,525,860
Peruntukan Khas Perumahan	236,974,900
JUMLAH	2,120,267,460

21. Cukai Taksiran berjumlah RM755.08juta masih merupakan hasil utama dan ianya menyumbang sebanyak 45.83% daripada keseluruhan hasil DBKL. Untuk makluman semua, DBKL merancang untuk menilai semula cukai taksiran yang mana hampir 15 tahun tidak dilaksanakan. Walau bagaimanapun, untuk tahun 2010 tiada kenaikan bagi kadar cukai taksiran.

22. Lain-lain sumber hasil termasuklah Bayaran Kawalan Binaan & Perancangan adalah berjumlah RM116 juta sewaan perumahan RM65.08 jutadan lesen & permit RM47.96 juta.
23. Disamping itu juga, DBKL dijangka akan menerima hasil tambahan sebanyak RM451.3 juta hasil daripada penjualan harta dan aset DBKL termasuk penjualan Perumahan Awam DBKL.

G. GERAN DAN PERUNTUKAN KERAJAAN PUSAT

24. DBKL juga akan menerima geran dari Kerajaan Pusat iaitu geran penyelenggaraan jalan raya berjumlah RM30 juta, penyelenggaraan ITIS sebanyak RM38 juta, "outright grant" berjumlah RM10 juta bagi penyelenggaraan harta-harta bukan milik DBKL seperti penyelenggaraan Istana Negara dan tanah lapang milik kerajaan, peruntukan khas menggantikan 'capitation' grant berjumlah RM18 juta dan juga peruntukan untuk menyelenggara Tugu Negara berjumlah RM250,000.
25. Di samping itu, Kerajaan Pusat juga akan menyalurkan peruntukan untuk Projek Pembangunan RMK9 dan Projek Khas Tebatan Banjir yang keseluruhannya berjumlah RM317.17 juta. Peruntukan khas berjumlah RM250 juta telah diterima dalam tahun 2009 bagi membiayai kerja-kerja penyelenggaraan dan menaiktaraf kemudahan di perumahan awam dan PPR yang diperuntukan sebanyak RM236.97 juta dalam tahun 2010.

H. IMBANGAN BAJET.

26. Anggaran hasil 2010 adalah sebanyak RM1.647 billion. Sumber hasil ini akan digunakan untuk membiayai Perbelanjaan Mengurus 2010. Anggaran hasil ini akan dapat menampung jumlah keseluruhan anggaran perbelanjaan mengurus 2010 yang berjumlah RM1.102 billion. Lebihan dalam Bajet Mengurus adalah RM544.48 juta.

27. Perbelanjaan Pembangunan berjumlah RM1.017 billion akan dibiayai dengan menggunakan lebihan tahun semasa sebanyak RM306.77 juta dan sumbangan berkanun dari pemaju RM22.86 juta. Baki perbelanjaan pembangunan akan menggunakan peruntukan dari Bantuan Kerajaan Pusat RMK9 berjumlah RM245.84 juta dan Peruntukan Khas Tebatan Banjir yang berjumlah RM71.34 juta, Pakej Rangsangan Ekonomi sebanyak RM133.53 juta dan peruntukan khas perumahan berjumlah RM236.97 juta.

I. PENUTUP DAN RUMUSAN

28. Secara keseluruhannya Bajet 2010 adalah merupakan **Belanjawan Lebihan (Surplus)** di mana keseluruhan anggaran hasil semasa dapat membiayai keseluruhan perbelanjaan mengurus dan pembiayaan projek pembangunan DBKL.
29. Hasil operasi yang bertambah kepada RM 1.65 billion berbanding dengan RM1.21 billion dalam tahun 2009 iaitu peningkatan sebanyak 36%. Lebihan tahun semasa digunakan untuk membiayai projek-projek pembangunan yang akan dilaksanakan dan dirancang bagi tahun 2010.
30. Sebanyak 32.4% projek pembangunan yang dirancang akan dibiayai oleh lebihan tahun semasa DBKL manakala 67.6% lagi akan dibiayai oleh Kerajaan melalui Projek RMK9 dan Projek Khas Tebatan Banjir, Pakej Rangsangan Ekonomi Ke 2 dan Peruntukan Khas Perumahan.
31. Sumber hasil tambahan daripada penjualan aset/harta DBKL sebanyak RM451.3 juta adalah bersifat '*One-Off*'. Sehubungan dengan itu, DBKL perlu meningkatkan usaha dan mengenalpasti sumber-sumber hasil baru. Usaha-usaha lain seperti penguatkuasaan kutipan hasil cukai taksiran, kompaun, sewa harta dan lesen akan dilaksanakan bagi mempertingkatkan kutipan hasil DBKL.
32. DBKL akan melaksanakan program penilaian semula kadar nilai tahunan semua harta-harta di Kuala Lumpur. Kali terakhir penilaian semula di buat ialah dalam tahun 1991 dan dikuatkuasakan dalam tahun 1992. Memandangkan kos

pengurusan, penyelenggaraan dan pembangunan semakin meningkat, langkah menilai semula kadar nilai tahunan premis-premis di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur perlu diberi perhatian dan dikuatkuasakan.

33. Usaha untuk meningkatkan kecairan mudah tunai dengan mengutip semua bentuk tunggakan seperti tunggakan cukai taksiran, sewa dan kompaun akan ditingkatkan.
34. Usaha meningkatkan tindakan penguatkuasaan seperti lesen perniagaan dan pelanggaran undang-undang kecil perniagaan dan lalulintas perlu dilaksanakan secara serius.
35. Perbelanjaan yang berhemah dan memastikan projek-projek yang dijalankan mengikut spesifikasi dan jadual akan membantu mengurangkan pembaziran dan dapat meningkatkan akauntabiliti dan intergriti dalam pengurusan kewangan DBKL.
36. Berasaskan kepada agihan-agihan peruntukan di atas, dijangkakan program dibawah peruntukan operasi dan projek-projek pembangunan dapat mencapai objektif DBKL. Justeru itu, visi menjadi Bandaraya Bertaraf Dunia serta Visi Wilayah Persekutuan Maju dan Sejahtera juga akan dapat dicapai.

Sekian, terima kasih.

Disediakan oleh,
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur